



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

RUMAWIP LEGASI RESIDENSI PENANDA ARAS PEMBANGUNAN DI KAMPONG BHARU

KUALA LUMPUR, 24 Januari 2017 – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor menyempurnakan Majlis Pelancaran dan Sesi Pengundian Projek RUMAWIP Legasi Residensi Kampong Bharu. Projek RUMAWIP Legasi Residensi Kampong Bharu ini merupakan projek di bawah Dasar RUMAWIP yang dibangunkan oleh UDA Holdings Berhad dengan sokongan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi menyediakan rumah mampu milik pada harga RM300,000.00 seunit untuk penduduk Kampong Bharu khususnya dan golongan yang memerlukan.

2. Sejumlah 206 unit pangsapuri ditawarkan dengan keluasan 807 kaki persegi bagi setiap unit yang mempunyai 3 bilik tidur dan 2 bilik air serta petak parkir berbumbung. Projek yang dilengkapi dengan sistem keselamatan 24 jam dan sistem pengawasan CCTV ini merangkumi 1 buah blok pangsapuri setinggi 43 tingkat bersama-sama dengan kediaman harga bebas yang dilengkapi dengan kemudahan bertaraf kondominium seperti surau, bilik persalinan, bilik kawalan, tempat permainan kanak-kanak, sauna, gimnasium, kolam renang, perpustakaan, kedai serbaneka, BBQ area, ruang serbaguna, dewan serbaguna, pejabat pengurusan, tadika dan lain-lain.

3. Terletak di lokasi yang sangat strategik bersebelahan dengan Stesen LRT Putra Kampong Bharu yang akan memberi keselesaan dari aspek kemudahan pengangkutan awam kepada penghuni serta mempunyai akses yang baik kepada jaringan lebuh raya AKLEH. Projek ini boleh dikategorikan sebagai satu projek "*Transit Oriented Development*" kerana terletak bersebelahan dengan kemudahan pengangkutan LRT. Lokasi projek ini yang terletak di tengah-tengah bandar Kuala Lumpur dapat

memberikan satu petunjuk mudah bahawa pembeli akan menikmati peningkatan nilai hartanah mereka selepas projek ini siap kelak.

4. Cabutan undi yang dijalankan ini melibatkan sebanyak 206 unit keseluruhannya di mana pemohon yang berjaya akan membuat cabutan undi bagi menentukan unit kediaman yang akan dimiliki. Pemilik unit RUMAWIP di Kampong Bharu merupakan golongan bertuah kerana telah berjaya dalam dua (2) proses saringan yang dijalankan oleh pihak UDA Holdings Berhad dan DBKL bagi memastikan hanya yang layak sahaja diberi keutamaan. Projek ini juga merupakan sebahagian daripada inisiatif kerajaan menyasarkan pembangunan sebanyak 80,000 unit rumah di seluruh Wilayah Persekutuan dalam tempoh 5 tahun ini. Setiap projek RUMAWIP yang dibina di bawah Dasar RUMAWIP adalah tertakluk kepada sekatan moratorium selama 10 tahun yang mana setiap unit yang dibeli tidak boleh dijual kepada pihak lain sebelum tamat tempoh 10 tahun moratorium tersebut.

5. Melalui pelaksanaan RUMAWIP ini akan memberikan kelebihan kepada penduduk Wilayah Persekutuan untuk memiliki rumah sendiri dengan tawaran harga lebih murah dari pasaran semasa. Projek RUMAWIP ini juga merupakan perancangan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bagi memastikan golongan sasaran memiliki kediaman sendiri yang kondusif melalui kerjasama oleh pihak swasta. KWP akan memastikan pelaksanaan projek rumah mampu milik berjalan lancar sehingga mencapai sasaran yang ditetapkan di samping berusaha ke arah membantu menjayakan pembinaan rumah tersebut bagi mencapai sasaran Kerajaan.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
24 Januari 2017
Kuala Lumpur